



**Majlis Peguam  
Bar Council Malaysia**

[www.malaysianbar.org.my](http://www.malaysianbar.org.my)

Wisma Badan Peguam Malaysia  
2 Leboh Pasar Besar  
50050 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : +603-2050 2050  
Fax : +603-2050 2019  
Email : council@malaysianbar.org.my

**Circular No 324/2020  
Dated 1 Oct 2020**

To Members of the Malaysian Bar

**Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bil 2 Tahun 2020**

**Tatacara Pendengaran Kes Bagi Hakim Mahkamah Sesyen Yang Diberikan Bidang  
Kuasa Di Bawah Subseksyen 2(2) Akta Membaharui Undang-Undang  
(Perkahwinan Dan Penceraian) 1976 [Akta 164]**

The Chief Judge of Malaya, YAA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed, has extended to us a copy of Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bil 2 Tahun 2020 ("Arahan Amalan Bil 2/2020") (Practice Direction of the Chief Judge of Malaya No 2 of 2020), dated 22 Sept 2020, pertaining to the conferment of jurisdiction to Sessions Court Judges.

Please be informed that Arahan Amalan Bil 2/2020 comes into operation from **1 Oct 2020**.

Arahan Amalan Bil 2/2020 is available [here](#) (see pages 2 to 15) for your reference.

Thank you.

**A G KALIDAS  
Secretary  
Malaysian Bar**



( 36 ) HBM/1/6

22 September 2020

**Pengarah Mahkamah Negeri**  
Semenanjung Malaysia

**Hakim Mahkamah Sesyen**  
Semenanjung Malaysia

**Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar**  
**Mahkamah Tinggi**  
Semenanjung Malaysia

**Penolong Kanan Pendaftar**  
**Mahkamah Rendah**  
Semenanjung Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN AMALAN HAKIM BESAR MALAYA BIL. 2 TAHUN 2020**

**TATACARA PENDENGARAN KES BAGI HAKIM MAHKAMAH SESYEN**  
**YANG DIBERIKAN BIDANG KUASA DI BAWAH**  
**SUBSEKSYEN 2(2) AKTA MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN**  
**DAN PERCERAIAN) 1976 [AKTA 164]**

Sebagaimana kuasa yang diperuntukkan di bawah subseksyen 2(2) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Hakim Besar Malaya melalui Pemberitahuan Pemberian Bidang Kuasa Kepada Hakim Mahkamah Sesyen 2020 [P.U.(B) 374/2020] (Pemberitahuan) yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2020 telah memberikan bidang kuasa kepada Hakim Mahkamah Sesyen yang dinamakan dalam Pemberitahuan untuk menguruskan apa-apa perkara di bawah Akta 164. Selaras dengan ini, setelah berunding dengan Y.A.A. Ketua Hakim Negara dan pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 20 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91], saya mengeluarkan arahan amalan ini bagi menetapkan tatacara pendengaran kes bagi Hakim Mahkamah Sesyen yang diberikan bidang kuasa

di bawah subseksyen 2(2) Akta 164 (selepas ini disebut sebagai "Hakim Mahkamah Sesyen yang diberi bidang kuasa").

## **2. PEMAKAIAN**

Arahan ini hendaklah terpakai bagi Hakim Mahkamah Sesyen yang diberi bidang kuasa di Semenanjung Malaysia untuk mendengar kes di bawah Akta 164.

## **3. TANGGUNGJAWAB HAKIM MAHKAMAH SESYEN YANG DIBERI BIDANG KUASA**

Hakim Mahkamah Sesyen yang diberi bidang kuasa adalah bertanggungjawab seperti yang berikut:

- (a) meneruskan tugas hakiki sedia ada sebagai Hakim Mahkamah Sesyen; dan
- (b) pada masa yang sama mendengar kes-kes di bawah Akta 164 sebagaimana diarahkan oleh Y.A.A. Hakim Besar Malaya secara bertulis dari semasa ke semasa.

## **4. TATACARA PENDENGARAN KES BAGI HAKIM MAHKAMAH SESYEN YANG DIBERI BIDANG KUASA**

### **4.1 Sistem Pengurusan Kes (*Case Management System*)**

- 4.1.1** Bahagian e-Kehakiman akan mewujudkan fungsi "role" Hakim Mahkamah Tinggi dalam Sistem Pengurusan Kes (*Case Management System*) kepada Hakim Mahkamah Sesyen yang diberi bidang kuasa untuk mendengar kes yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, fungsi "role" ini hanya akan diaktifkan sekiranya perlu.
- 4.1.2** Nama Hakim Mahkamah Sesyen yang diberi bidang kuasa akan diwujudkan dalam Sistem Pengurusan Kes bagi maksud mendengar kes yang ditetapkan dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

## **4.2 Jenis Kes**

**4.2.1** Hakim Mahkamah Sesyen yang diberi bidang kuasa hanya akan mendengar kes/prosiding seperti yang berikut:

- (a) Petisyen Perceraian Bersama di bawah Seksyen 52 Akta 164 (**Kod 33JP**); dan
- (b) Permohonan Pengecualian daripada merujukkan kes kepada Badan Pendamai di bawah Seksyen 106 Akta 164 (**Kod 24F**).

**4.2.2** Sekiranya:

- (a) pihak-pihak membangkitkan apa-apa pertikaian; atau
- (b) Hakim Mahkamah Sesyen berpuas hati bahawa terdapat apa-apa isu yang meragukan dan boleh dipertikaikan,

semasa pendengaran Petisyen Perceraian Bersama (Kod 33JP) atau Permohonan Pengecualian Badan Pendamai (Kod 24F), Hakim Mahkamah Sesyen hendaklah menetapkan tarikh Pengurusan Kes di hadapan Timbalan Pendaftar agar kes tersebut dapat ditetapkan untuk didengar di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi.

## **4.3 Pendaftaran Kes**

**4.3.1** Tatacara pendaftaran, pemprosesan kertas kausa dan pengurusan kes di bawah **kod 24F** dan **33JP** kekal di Mahkamah Tinggi dan diuruskan di bawah Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi.

**4.3.2** Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi akan mengemukakan (*escalate*) semua kertas kausa yang teratur melalui Sistem Pengurusan Kes (*Case Management System*) kepada Hakim Mahkamah Sesyen yang diberi bidang kuasa untuk mendengar kes.

**4.3.3** Sekiranya terdapat lebih daripada seorang Hakim Mahkamah Sesyen yang diberi bidang kuasa, pembahagian kes akan ditentukan oleh Y.A.A. Hakim Besar Malaya.

#### **4.4 Penetapan Kes**

Hakim Mahkamah Sesyen yang diberi bidang kuasa akan mempunyai satu jadual *planner* dalam Sistem Pengurusan Kes (*Case Management System*) yang mengandungi butiran seperti yang berikut:

- (a) butiran asal bagi kes sedia ada di Mahkamah Sesyen; dan
- (b) butiran yang diwujudkan khusus bagi tujuan mendengar kes di bawah Akta 164.

#### **4.5 Minit Mahkamah**

Hakim Mahkamah Sesyen yang diberi bidang kuasa bertanggungjawab untuk mengemas kini dan mengunci minit mahkamah bagi setiap kes yang didengar pada hari yang sama.

#### **4.6 Perintah dan Dekri Nisi**

**4.6.1** Format Dekri Nisi dan Perintah bagi kes Petisyen Perceraian Bersama (Kod 33JP) yang didengar di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen yang diberi bidang kuasa adalah sebagaimana **LAMPIRAN A**.

**4.6.2** Format Perintah bagi kes Permohonan Pengecualian daripada merujukkan kes kepada Badan Pendamai di bawah Seksyen 106 Akta 164 (**Kod 24F**) yang didengar di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen yang diberi bidang kuasa adalah sebagaimana **LAMPIRAN B**.

**4.6.3** Dekri Nisi dan Perintah akan diproses oleh Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi berdasarkan minit mahkamah.

#### **4.7 Rayuan terhadap Keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang diberi Bidang Kuasa**

Apa-apa rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang diberi bidang kuasa hendaklah didengar oleh Mahkamah Rayuan.

#### **4.8 Statistik**


- 4.8.1** Hakim Mahkamah Sesyen yang diberi bidang kuasa perlu bertanggungjawab terhadap statistik kes yang didengar di bawah Akta 164 dan statistik kes sedia ada di Mahkamah Sesyen masing-masing.
- 4.8.2** Kes yang didengar di bawah Akta 164 akan dilupuskan mengikut jumlah pendaftaran kes di Mahkamah Tinggi Keluarga. Pada masa yang sama, jumlah kes yang didengar dan dilupuskan akan direkodkan di dalam statistik khas sebagaimana di **LAMPIRAN C**.
- 4.8.3** Oleh yang demikian, setiap Hakim Mahkamah Sesyen yang diberi bidang kuasa untuk mendengar kes di bawah Akta 164 akan mempunyai statistik tambahan khusus bagi kes-kes di bawah Akta 164.

#### **4.9 Prosiding Pendengaran**

Prosiding pendengaran kes-kes oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah sama sebagaimana prosiding di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi.

### **5. TARIKH KUAT KUASA**

Arahan ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2020.

  
**(TAN SRI DATO' SRI AZAHAR BIN MOHAMED)**  
Hakim Besar Malaya

**Salinan Kepada:**

**Y.A.A. Ketua Hakim Negara**  
Mahkamah Persekutuan Malaysia

**Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan**  
Mahkamah Persekutuan Malaysia

**Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak**  
Mahkamah Persekutuan Malaysia

**YBhg. Peguam Negara Malaysia**  
Jabatan Peguam Negara Malaysia

**Semua Y.A. Hakim Pengurus**  
Mahkamah Persekutuan Malaysia

**Ketua Pendaftar**  
Mahkamah Persekutuan Malaysia

**Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya**

**Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak**

**Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya**

**Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak**

**Pustakawan**  
Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia

**Presiden**  
**Majlis Peguam Malaysia**

**Pengerusi**  
**Persatuan Undang-Undang Sabah**

**Pengerusi**  
**Persatuan Peguambela Sarawak**

**LAMPIRAN A**

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI .....

DALAM NEGERI .....

PETISYEN PENCERAIAN NO: .....

Dalam Perkara Seksyen 52 Akta  
Membaharui Undang-Undang  
(Perkahwinan dan Perceraian) 1976

DAN

**XY**  
(NO. K/P: .....)

....PEMPETISYEN SUAMI

ANTARA

**XX**  
(NO. K/P: .....)

....PEMPETISYEN ISTERI

DI HADAPAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN

(Nama Hakim Mahkamah Sesyen)

(Hakim Mahkamah Sesyen yang diberikan bidang  
kuasa di bawah subseksyen 2(2) Akta Membaharui  
Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976  
[Akta 164])

PADA XXXX

DALAM MAHKAMAH TERBUKA

DEKRI NISI

PETISYEN DI ATAS telah didengar pada hari ini dan Hakim Mahkamah Sesyen SETELAH  
MEMBACA Petisyen Bersama.....  
yang kesemuanya difailkan di sini DAN SETELAH MENDENGAR.....  
MAKA ADALAH DENGAN INI DIUMUMKAN DAN DIDEKRIKAN bahawa perkahwinan yang  
disempurnakan pada.....di.....dibubarkan menurut

Seksyen 52 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] melainkan jika ada sebab-sebab yang mencukupi dibuktikan kepada Mahkamah dalam tempoh TIGA (3) bulan mulai dari tarikh Dekri ini mengapa tidak patut dijadikan mutlak.

Bertarikh pada .....

Meterai **(Nama Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar)**

.....  
Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI .....

DALAM NEGERI .....

PETISYEN PENCERAIAN NO: .....

Dalam Perkara Seksyen 52 Akta  
Membaharui Undang-Undang  
(Perkahwinan dan Perceraian) 1976

DAN

XY  
(NO. K/P: .....)

....PEMPETISYEN SUAMI

ANTARA

XX  
(NO. K/P: .....)

....PEMPETISYEN ISTERI

DI HADAPAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN

(Nama Hakim Mahkamah Sesyen)

(Hakim Mahkamah Sesyen yang diberikan bidang  
kuasa di bawah subseksyen 2(2) Akta Membaharui  
Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976  
[Akta 164])

PADA XXXX

DALAM MAHKAMAH TERBUKA

PERINTAH

ATAS PERMOHONAN ..... DAN SETELAH MEMBACA Saman  
Pemula/ Ex Parte Saman Pemula.....yang kesemuanya difailkan

di sini **DAN SETELAH MENDENGAR** .....  
**MAKA ADALAH PADA HARI INI DIPERINTAHKAN** bahawa.....

Bertarikh pada .....

Meterai (Nama Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan  
Pendaftar)  
.....  
Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya

**LAMPIRAN B**

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI .....

DALAM NEGERI .....

SAMAN PEMULA NO: .....

Dalam Perkara Seksyen 106 (1) (...), (...),  
(...) Akta Membaharui Undang-Undang  
(Perkahwinan dan Perceraian) 1976

XY

(NO. K/P: .....)

....PEMOHON

**SAMAN PEMULA/ SAMAN PEMULA EX PARTE**

BENARKAN PIHAK yang berkenaan hadir di hadapan Hakim Dalam Kamar pada ..... bagi mendengar suatu permohonan oleh pihak Plaintiff bagi perintah bahawa.....

Alasan-alasan permohonan ini adalah dinyatakan dalam Afidavit Sokongan yang diikrarkan oleh..... pada.....

Bertarikh pada .....

Meterai      **(Nama Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan  
Pendaftar)**

.....  
Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya

(\*ubah suaian perlu dibuat kepada borang ini mengikut sifat permohonan sama ada ex parte atau inter parte : Sekiranya inter-partie, ia melibatkan Plaintiff dan Defendan. Jika ia adalah permohonan ex parte, ia merujuk kepada Pemohon)

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI .....

DALAM NEGERI .....

SAMAN PEMULA NO: .....

Dalam Perkara Seksyen 106 (1) (...), (...),  
(...) Akta Membaharui Undang-Undang  
(Perkahwinan dan Perceraian) 1976

XY

(NO. K/P: .....)

....PEMOHON

DI HADAPAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN

(Nama Hakim Mahkamah Sesyen)

(Hakim Mahkamah Sesyen yang diberikan bidang  
kuasa di bawah subseksyen 2(2) Akta Membaharui  
Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976  
[Akta 164])

PADA XXXX

DALAM KAMAR

PERINTAH

ATAS PERMOHONAN yang dinamakan di atas DAN SETELAH MEMBACA SAMAN PEMULA/  
SAMAN PEMULA EX PARTE bertarikh.....yang  
kesemuanya difailkan di sini DAN SETELAH MENDENGAR  
TANPA KEHADIRAN DEFENDAN MAKA  
ADALAH DENGANINI DIPERINTAHKAN bahawa.....

**DAN AKHIRYA DIPERINTAHKAN** bahawa.....

Bertarikh pada .....

Meterai      **(Nama Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan  
Pendaftar)**  
.....  
Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya

(\*ubah suaian perlu dibuat kepada borang ini mengikut sifat permohonan sama ada ex parte atau inter parte)

**LAMPIRAN C**

**STATISTIK HAKIM MAHKAMAH SESYEN YANG DIBERIKAN BIDANG KUASA DI BAWAH  
SUBSEKSYEN 2(2) AKTA MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN DAN  
PERCERAIAN) 1976 [AKTA 164]**

**NAMA HAKIM :**

**BULAN :**

KOD	PENETAPAN		KEPUTUSAN			KES BELUM SELESAI
	KES BAHARU	KES DIBAWA KE HADAPAN	DILUPUSKAN (BICARA/TARIK BALIK/DIBATALKAN/ REKOD PENGHAKIMAN PERSETUJUAN/ NOTIS PEMBERHENTIAN)	DIHANTAR KE MAHKAMAH TINGGI		
33JP						
24F						
JUMLAH						